

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan, pertimbangan dan langkah-langkah yang diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia sebagai kesiapsiagaan untuk menghadapi Pilihan Raya Umum ke-15 semasa kita berdepan dengan pandemik wabak COVID-19 pada masa kini. Berapa jumlah peruntukan yang diperlukan sekiranya negara perlu menjalankan pilihan raya umum semasa pandemik COVID-19.

**JAWAPAN: [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sentiasa bersedia bagi menghadapi kemungkinan berlakunya Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-15 dalam masa terdekat. Ini adalah penting bagi memastikan pengendalian perjalanan pilihan raya tersebut berjalan dengan selamat, lancar dan sempurna terutamanya dalam tempoh pasca COVID-19. Untuk itu, SPR telah membuat persediaan dan perancangan yang menyeluruh meliputi aspek seperti keperluan bajet pilihan raya, peralatan, logistik, pembangunan sistem, pengurusan sumber manusia dan latihan kepada petugas. SPR juga telah mengadakan libat urus dengan jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan dalam membantu melancarkan lagi proses pilihan raya.

NO. SOALAN : 444

Sebagai persiapan menghadapi PRU Ke-15, SPR juga akan mewujudkan lebih banyak pusat mengundi tambahan ke atas daerah mengundi yang mempunyai bilangan pemilih yang tinggi. Urusan Pengemaskinian Daerah Mengundi ini akan dilaksanakan dari semasa ke semasa selaras dengan Seksyen 7 (2) Akta Pilihan Raya 1958. SPR akan memastikan pewujudan pusat-pusat mengundi baharu ini akan memudahkan pemilih untuk keluar mengundi pada masa hadapan.

Selain itu, SPR juga menjalankan urusan pengemaskinian daftar pemilih dari semasa ke semasa berdasarkan kepada Peraturan 10 dan Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Ini termasuklah memotong nama pemilih yang telah disahkan meninggal dunia dan memotong nama pemilih yang telah disahkan melepaskan atau dilucutkan hak kewarganegaraan.

Disamping itu, SPR juga telah merangka dan menyediakan satu Garis Panduan Pencegahan Covid-19 Bagi Pelaksanaan Pilihan Raya sama ada Pilihan Raya Umum (PRU) atau Pilihan Raya Kecil (PRK). Garis panduan ini akan disesuaikan selaras dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan semasa di bawah Akta 342 yang telah dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan seperti yang telah dilaksanakan dalam pilihan raya sebelumnya iaitu PRK DUN N.23 Chini, PRK DUN N.58 Slim dan PRU DUN Sabah Ke-16.

Dari aspek peruntukan, SPR menganggarkan keperluan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion bagi melaksanakan PRU Ke-15 dalam tempoh pandemik Covid-19 yang meliputi perolehan peralatan, logistik, elaun petugas dan keperluan-keperluan lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.